



## Kolej Sepuluh Juara Sidrat



Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Azali Mohamed menyampaikan piala pusingan kepada juara Sidrat dari Kolej Sepuluh.

**SERDANG, 1 Mac** – Kumpulan dikir barat Sang Saka Biru dari Kolej Sepuluh Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Sandungan Irama Dikir Barat (SIDRAT 09) dengan menewaskan 11 kolej kedihaman UPM baru-baru ini.

Kolej Sepuluh turut memenangi anugerah sampingan iaitu Tukang Karut Terbaik melayakkkan mereka membawa pulang trofi, piala pusingan dan sijil.

Naib johan disandang oleh Kolej Canselor yang turut memenangi anugerah khas Juara Terbaik dan Persembahan Terbaik sementara tempat ketiga dimenangi Kolej Mohamad Rashid dan Keceriaan Terbaik dimenangi Kolej Sebelas.

Pegawai Tadbir Hal Ehwal Pelajar (Unit Seni Budaya dan Kreatif), Mohd. Isnain berkata tema 'Rasuh Pemusnah Bangsa' dipilih sebagai satu tema lagu yang wajib bagi memupuk sikap anti rasuah dalam kalangan mahasiswa yang bakal menerajui kepimpinan negara untuk Sidrat kali ini.

"Melalui penerapan tersebut, budaya anti rasuah dapat mengekalkan sahsiah pelajar sebagai bangsa yang berperkerti mulia dan luhur.

"Ianya juga dapat menarik kembali minat terhadap seni dikir barat sebagai bentuk hiburan yang sihat dalam kalangan pelajar," katanya ketika dihubungi.



Antara aksi menarik yang dipersembahkan oleh ahli dikir barat pada malam Sidrat 09.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.